

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA  
[PARIT BUNTAR - PAS]**

**SOALAN (NO. 425)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah ada pelan pengurusan kewangan kepada golongan belia selepas melanjutkan pelajaran ke universiti atau kolej bagi mereka menghadapi kehidupan yang lebih baik apabila mereka masuk ke alam pekerjaan.

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan melaksanakan pengurusan kewangan secara umum kepada golongan belia selepas melanjutkan pelajaran ke universiti atau kolej bagi mereka menghadapi kehidupan yang lebih baik apabila mereka masuk ke alam pekerjaan.
  
2. Antara program dan kursus yang dilaksanakan adalah:
  - i) Kursus Asas Keusahawanan
  - ii) Program *Smart Partnership* Usahawan Belia
  - iii) Kursus *Smart Manager* (Pengurusan Kewangan)
  - iv) Kursus Kepimpinan Organisasi
  - v) Program Keusahawanan Akademi Pembangunan Belia Malaysia
  
3. Program dan kursus ini dilaksanakan oleh Kementerian bagi membantu semua golongan belia untuk menjalani kehidupan yang lebih baik.

Sekian, terima kasih.